

TARIKH	19 / 9 / 2016	SEKSYEN	LAMBAIAN KAABAH
MUKA SURAT	14	RUANGAN	

## Malaysia sambut baik lanjut musim umrah kepada 10 bulan

**Kuala Lumpur:** Cadangan melanjutkan musim umrah kepada 10 bulan selaras dengan peningkatan jemaah setiap tahun, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

Sehubungan itu, katanya, kerajaan Malaysia menyambut baik cadangan kerajaan Arab Saudi untuk menambah musim umrah dari lapan bulan ketika ini kepada 10.

"Kita dapati sejak 10 tahun kebelakangan ini kesedaran umat Islam di seluruh dunia menunaikan ibadat umrah mulai meningkat.

"Malah, kerajaan Arab Saudi sendiri menasankan peningkatan daripada lapan juta hingga 30 juta jemaah menjelang 2030," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Selain itu, katanya, cadangan itu juga munasabah apabila pembangunan pembesaran Masjidilharam dan Masjid Nabawi serta di sekitar kawasan itu siap sepenuhnya.

### Peningkatan mendadak

Katanya, jemaah dari negara ini juga menunjukkan peningkatan mendadak setiap tahun terutama ketika waktu cuti musim persekolahan.

Sebelum itu, media Arab Saudi melaporkan cadangan itu juga selaras untuk memasukkan Muharam dan Syawal ke dalam musim umrah, sejajar wawasan baharu pembangunan Makkah dan Madinah.

Sementara itu, Presiden Persatuan Agensi Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Harith Mohd Ali, berkata cadangan diusulkan Kerajaan Arab Saudi itu bagi memenuhi bilangan jemaah umrah kian meningkat setiap tahun.

"Jika tempoh itu dilanjutkan ia memberi peluang kepada jemaah dari seluruh dunia untuk menunaikan umrah.

"Saya juga menjangkakan penambahan jemaah umrah dari Malaysia jika cadangan terbabit dilaksanakan kelak.

"Cadangan lanjutkan tempoh masa dari Muharam dan Syawal berbanding ketika ini dari Safar hingga akhir Ramadan, membolehkan jemaah mempunyai lebih masa menunaikan ibadat umrah," katanya.

## 'Cuaca panas tidak terasa'

➔ Jemaah bersyukur tunai ibadah dengan mudah, lancar

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

► Sepang

"Cuaca panas sehingga mencapai 53 darjah Celsius seolah-olah tidak terasa bagi saya. Alhamdulillah semuanya berjalan dengan mudah," kata Hamidah Sakirin, 55.

Hamidah dari Kuantan, Pahang adalah seorang daripada 442 jemaah haji pertama yang tiba di tanah air, semalam.

Menceritakan pengalamannya menunaikan haji buat kali pertama bersama suami, Azmi Jaludin, 55, Hamidah berkata, beliau berasa seronok sepan-

jang berada di tanah suci dan tidak berdepan kesukaran.

"Sebelum ini ada yang memberitahu mereka berdepan masalah seperti kemudahan air di Padang Arafah, tetapi semuanya tersusun bagi kami. Cuaca juga tidak pula sepanas yang dikatakan kerana banyak pokok di kawasan itu.

### 9 tahun tunggu giliran

"Selepas sembilan tahun menunggu giliran, kami memperoleh pengalaman indah ini dan kalau boleh, kami tidak mahu balik lagi (hari ini)," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Warga emas, Membunga Daud, 86, dari Kuala Lumpur, berkata beliau tidak pernah menyangka dapat mengerjakan haji buat kali kedua, selepas melaksanakannya buat kali pertama kira-kira 30 tahun lalu.

"Walaupun berkerusi roda, saya dapat menjalankan ibadah ini dengan baik dibantu oleh cucu saya. Kalau boleh, saya mahu ke sana setiap hari ke-

Fakta nombor

53° CELSIUS

cuaca di Makkah pada musim haji

442 JEMAAH

pertama yang tiba di tanah air, semalam

47 PENERBANGAN

tiba di tanah air secara berperingkat

Untuk video layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

rana keindahan serta ketenangan yang ada di sana sukar untuk digambarkan," katanya.

### Tunai haji usia muda

Bagi Dr Muhammad Syafiq Muhammad Isa, 27, beliau menyifatkan dirinya bertuah kerana terpilih menjadi tetamu Allah pada usia yang muda, selepas perlu menjadi mahram kepada isterinya, Dr Hanisah Jeffrey, 26, yang dipanggil menunaikan haji pada tahun ini.

Sementara itu, kumpulan pertama jemaah haji Malaysia selamat tiba di tanah air, semalam, yang terdiri daripada 442 jemaah.

Jemaah berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini dari Jeddah pada jam 11.21 pagi, menaiki pesawat Saudi Arabia SV5644. Ketibaan mereka disambut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Badliyah Abdul Ghani dan pengurusan tertinggi TH, serta anggota keluarga dan saudara mara jemaah yang datang dari seluruh negara.



Sebahagian kumpulan pertama jemaah haji yang tiba disambut oleh ahli keluarga di KLIA, Sepang, semalam.